

03/04/2002

Rundingan beli helikopter Russia selesai sebelum hujung tahun

KUALA LUMPUR, Selasa - Rundingan mengenai pembelian 10 helikopter Mi-171 buatan Russia dijangka selesai sebelum hujung tahun ini, kata Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak.

Beliau berkata, pihaknya turut membincangkan pengubahsuaian yang mungkin dibuat pada helikopter berkenaan.

"Rundingan sedang diadakan bagi menentukan beberapa kemungkinan dalam pengubahsuaian pada helikopter Mi-171 itu.

"Selepas itu, kita berharap dapat menandatangani kontrak dalam beberapa bulan lagi," katanya di sini, hari ini.

Beliau berkata, rundingan itu termasuk sama ada menerima helikopter itu seperti yang diguna pakai negara lain dan kemungkinan membuat pengubahsuaian kecil membabitkan peralatan dalam helikopter berkenaan.

Najib berkata, kerajaan turut mengambil kira kemungkinan hanya menggunakan juruterbang dan seorang pembantu bagi mengendalikan helikopter itu yang boleh memuatkan tiga anak kapal termasuk seorang jurutera pesawat.

Rundingan itu berikutan lawatan rasmi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Moscow baru-baru ini.

Selain itu, katanya, kementerian mengkaji implikasi pembelian berkenaan termasuk kos tambahan sebelum diluluskan kerajaan.

Ditanya sama ada kerajaan akan memansuhkan penggunaan helikopter Nuri selepas pembelian Mi-171 itu, Najib berkata: "Kedua-dua pesawat akan digunakan seperti biasa."

Najib sebelum itu merasmikan Majlis Penganugerahan Tokoh dan Sambutan Ma'al Hijrah 1423H peringkat Kementerian Pertahanan di Wisma Pertahanan, pagi ini.

Pada majlis berkenaan, Mejar Mohd Shafie Jahudi (TUDM) diumumkan sebagai penerima Anugerah Wira Maal Hijrah. Mohd Shafie mula berkhidmat dengan TUDM sejak 1979 dan pernah menjadi pemerhati pasukan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di Sahara Barat.

Beliau menerima sebilah pedang, RM3,000, sijil serta cenderamata.

Turut hadir, Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Zahidi Zainuddin dan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Hashim Meon.

(END)